



ih san

No.18 Jun 2006

MICA (P) 239/08/2005

Bantuan khas MTFA kepada enam madrasah penuh masa

\$250,000 diagih untuk pertingkat taraf pendidikan pelajar-pelajar ukhrawi

BEBERAPA perkembangan terbaru untuk memperkukuh peranan madrasah sepenuh masa meningkatkan lagi keupayaan mendidik anak-anak dalam bidang ukhrawi masih disambut baik oleh masyarakat Islam.

Perkembangan ini jelas membuktikan bahawa pendidikan madrasah untuk sama bersaing dengan pendidikan sekular di sekolah-sekolah nasional akan lebih setara dalam usaha mencapai satu matlamat yang sama.

Dengan bertambahnya tenaga asatizah-asatizah yang lebih berkelayakan untuk melaksanakan kurikulum-kurikulum terkini yang diatur sesuai dengan kepentingan bersama, masyarakat akan lebih yakin bahawa anak-anak yang menerima pendidikan madrasah dan berjaya mencapai matlamat yang sama itu akan dapat menikmati nilai ekonomi yang lebih terjamin.

Pihak madrasah juga kelihatan begitu yakin terhadap masa depannya dan lebih meyakinkan lagi bahawa peranannya akan terus berkekalan

sebagaimana peranannya selama berdekad lalu berjaya menghasilkan tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin agama yang terkemuka di Singapura.

Wujudnya perkembangan-perkembangan yang positif ini dianggap begitu sesuai dengan apa yang telah dilaksanakan oleh Persatuan Derma Amanah Muslimin (MTFA) sejak beberapa tahun lalu dengan menyokong usaha dan peranan madrasah-madrasah sepenuh masa menguruskan pendidikan ukhrawi anak-anak kita.

Pada tahun lalu selain daripada bantuan yang diagihkan sempena Majlis Penyampaian Dermasiswa MTFA 2005/2006 pada Oktober 2005, sejumlah \$250,000 telah didermakan lagi kepada enam madrasah sepenuh masa pada Disember 2005.

Setiap madrasah tersebut iaitu Madrasah Alsagoff, Madrasah Aljunied, Madrasah Al-Ma'arif, Madrasah Wak Tanjong, Madrasah Al-Arabiah dan Madrasah Al-Irsyad menerima bantuan yang berbeza mengikut kemampuan, pertimbangan dan komitmen MTFA.